

26/01/2003

Hasrat Amerika Syarikat serang Iraq dapat bantahan

Jamhariah Jaafar

MENGAKUI hakikat bahawa peperangan bukanlah penyelesaian terbaik kepada sebarang konflik, maka kebangkitan lautan manusia membantah hasrat Amerika

Syarikat dan sekutunya di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menyerang Iraq, semata-mata kerana tidak berpuas hati dengan penyiasatan yang gagal menemui sebarang senjata nuklear di negara yang terus dikenakan pelbagai sekatan, lahir daripada perasaan peri kemanusiaan yang semakin pupus angkara sentimen individualistik.

September lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa dunia perlu membatalkan sekatan terhadap Iraq sebaik saja mereka bersetuju untuk kembali disiasat mengenai khabar angin bahawa negara itu masih memiliki senjata nuklear.

"Saya tidak fikir bahawa anda patut menghukum rakyat Iraq hanya kerana anda tidak suka pemimpinnya... Saddam Hussein tidak dihukum. Dia kini sihat, mendapat makanan cukup dan tinggal di dalam Istana. Tapi rakyatnya dihukum dengan sekatan makanan dan ubat-ubatan yang dikenakan ke atas negara itu," katanya dalam satu temu bual dengan akhbar Daily Telegraph.

Ketika lebih 500,000 manusia di seluruh dunia termasuk 200,000 mengadakan demonstrasi di Washington dan beberapa bandar utama Amerika Syarikat lain pada 18 Januari lalu, Kuala Lumpur tidak ketinggalan untuk meluahkan bantahan keras terhadap Amerika Syarikat dan sekutunya yang kelihatan cuba mempertahankan agenda mengapa Iraq dan Saddam Hussein mesti ditumbang.

Pergerakan Pemuda Malaysia mengambil inisiatif membentuk satu gerakan digelar Aman Malaysia yang menggabungkan lebih 200 agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sukarelawan, pasukan beruniform, parti politik, pelajar dan kumpulan profesional, bagi mewakili suara rakyat Malaysia yang cintakan keamanan untuk menolak sebarang tindakan ke arah peperangan oleh mana-mana pihak.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein yang bertindak sebagai penaung gabungan itu dalam tulisannya yang disiarkan oleh laman web www.peacemalaysia.com, meluahkan kebimbangan bahawa dunia bakal dihadapkan dengan satu lagi peperangan dan masyarakat dunia bakal menjadi saksi ke atas sejumlah kematian dan kemusnahan secara besar-besaran.

Beliau berkata pertubuhan kemanusiaan meramalkan krisis pelarian yang teruk akan berlaku. Sebaik saja serangan udara bermula, dijangkakan simpanan makanan di seluruh Iraq akan kehabisan hanya dalam tempoh dua minggu. Ia juga akan menyebabkan merebaknya wabak taun dan kepialu, terutama jika Amerika Syarikat (AS) mensasarkan bom ke stesen janakuasa serta melumpuhkan sistem perawatan air seperti yang berlaku ketika Perang

Teluk, 1991.

"Ketika Perang Teluk, sejumlah 88,500 tan bom digugurkan. Daripada 250,000 bom yang digugurkan, hanya 22,000 dikategorikan sebagai `bom pintar'. Bagaimanapun `bom pintar' ini ada kalanya tersasar dan membunuh ramai orang awam. Sejak Perang Teluk bermula, dianggarkan lebih 1.2 juta orang awam terkorban di Iraq.

Wabak, kebuluran, kematian dan kesengsaraan, merupakan hukuman utama yang bakal menimpa rakyat Iraq atas nama `Perang Menentang Keganasan.'

"Walaupun Malaysia bersama-sama masyarakat lain di dunia bersetuju memerangi keganasan, Malaysia mahukan penyelesaian yang berkekalan dan menyeluruh berdasarkan prinsip keadilan dan kesaksamaan. Kebelakangan ini,

keselamatan dan kestabilan dunia semakin tercabar ekoran `Perang Menentang Keganasan' yang dilancarkan AS dan sekutunya.

"Perang ini telah menjadikan dunia sebagai tempat yang penuh prejudis sehingga nilai harga diri dan nyawa seorang insan menjadi berbeza hanya disebabkan perbezaan warna kulit dan agama," katanya.

Hishammuddin menegaskan, agama Islam menjadi mangsa pertama `Perang Menentang Keganasan', selepas ia dikaitkan dengan keganasan sehingga menolak hakikat bahawa keganasan tidak mempunyai kaitan dengan mana-mana agama, kaum atau negara.

"Hingga kini, hanya penganas beragama Islam saja yang sedang diburu di seluruh dunia. Sama ada secara kebetulan atau tidak, hanya negara Islam yang menjadi sasaran peperangan ini," katanya merujuk kepada serangan langsung AS dan sekutunya ke atas umat Islam di Afghanistan, di mana nyawa rakyat negara itu seolah-olah tidak bernilai, terutama apabila misi utama Polis Dunia itu hanya untuk memburu dan menghapus Osama bin Laden yang dilabel sebagai `penganas'.

Dalam serangan selepas kejadian yang mengaibkan pada 11 September, 2001, AS telah melancarkan serangan bom tanpa belas kasihan ke atas bumi Afghanistan, Hospital Wazir Akbarhan di Kabul sudah dibom dan 13 wanita mati akibat insiden itu. Seramai 200 lagi rakyat menemui ajal mereka di sebuah hospital di Herat. Sebanyak 15,000 paun bom berangkai, yang kelihatan sama seperti paket makanan dan diharamkan penggunaannya oleh undang-undang antarabangsa juga digunakan bagi membunuh ratusan orang awam.

Mengulas lanjut, Hishammuddin berkata atas alasan menentang keganasan, negara kuasa besar telah menjadi lebih ganas daripada penganas sedia ada.

"Resolusi 46 yang diluluskan oleh Kongres AS membenarkan pre-emptive war dan membolehkan Presiden AS melancarkan peperangan secara bersendirian dan menyerang negara berdaulat yang merupakan ancaman kepada AS. Tidak sekadar itu, AS turut merancang untuk menggunakan senjata nuklear terhadap negara yang menjadi musuh mereka," katanya.

Justeru, Aman Malaysia diharap dapat dijadikan platform untuk

meluahkan

kebimbangan serta bantahan rakyat Malaysia terhadap ketidakadilan yang dilakukan oleh kuasa dunia terutama sikap prejudis, double standards, hipokrisi, diskriminasi dan layanan yang berbeza terhadap negara tertentu

oleh negara kuasa-kuasa besar di dalam Perang Menentang Keganasan ini.

Penyelaras Aman Malaysia, Zulkifli Mohd Alwi, pula berkata Malaysia akan

meluaskan gerakan anti-perang sejagat kini dan sikap prihatin rakyat Malaysia dengan membawa 20 kanak-kanak dan wanita Palestin yang menjadi mangsa perang dan kekejaman tentera Israel. Sebahagian besar daripada mereka kehilangan ahli keluarga dan cedera, termasuk cacat anggota terutama kesan terkena senjata pemusnah besar-besaran regim Yahudi itu.

Beliau berkata, urusan untuk membawa mereka ke Malaysia kini hampir selesai dan kumpulan itu dijangka tiba pada hujung Januari atau awal Februari ini dan jadual lawatan mereka ke negara ini juga sudah diatur termasuk untuk bersama dalam kegiatan Aman Malaysia seperti pameran dan bengkel di institusi pengajian tinggi (IPT).

Katanya, Aman Malaysia juga mendapat permintaan daripada Palestine Authority (PA) untuk turut membantu lebih 100 mangsa jenayah perang tentera Israel yang kini mengalami pelbagai penderitaan dan kekurangan ubat di Jordan.

Aman Malaysia yang menggariskan objektif untuk menggembelng rakyat Malaysia melalui saluran bukan kerajaan ke arah penyelesaian isu keamanan

sejagat secara adil, saksama dan menyeluruh, turut berharap supaya keamanan yang dikecapi negara ini bukan saja berterusan bahkan boleh dicontohi negara lain.

Bagi menunjukkan kumpulan ini serius dalam memperjuangkan usaha untuk memiliki dunia yang lebih aman dan tanpa perang serta prejudis, lebih 100,000 ahli daripada semua badan dan pertubuhan yang terbabit dengan gabungan ini dijangka menghadiri Rali Aman Malaysia pada 23 Februari depan

dan berharap dapat menyerahkan sokongan daripada lebih sejuta rakyat Malaysia yang menurunkan tanda tangan mereka dalam kempen yang berlangsung sekarang.

"Kami mahu memastikan mesej kami tersebar bahawa dunia mesti mengecap keamanan dan kestabilan. Memorandum yang akan kami serahkan akan mengandungi aspirasi rakyat Malaysia untuk melihat suasana dunia yang lebih aman dan harmoni pada masa akan datang," kata Hishammuddin.

Pandangan pemimpin dunia:

Iran:

PEMIMPIN tertingginya, Ayatollah Ali Khamenei dan Presiden, Mohamad Khatami, menegaskan pendirian membantah serangan ke atas Iraq. Bekas Presidennya, Akhbar Hashemi Rafsanjani dipetik sebagai berkata:

"Kerajaan

yang dibentuk AS tidak akan kekal lama di Iraq'.

Kanada:

MENTERI Pertahanannya, John McCallum mengukuhkan sokongan terhadap AS dan berkata kerajaannya akan tetap menghantar tentera walaupun tanpa kelulusan PBB. Beliau memberi jaminan kepada Setiausaha Pertahanan AS, Donald Rumsfeld bahawa Kanada akan `terbabit secara ketenteraan' jika Majlis Keselamatan PBB meluluskan serangan berkenaan.

Jerman:

CANSELOR Gerhard Schroder membuat pendirian tegas anti-perang ketika kempen pilihan rayanya pada September lalu dan mendakwa `dibawah kepemimpinan saya Jerman tidak akan mengambil bahagian dalam campur tangan

ketenteraan'. Bagaimanapun beliau membenarkan tentera AS menggunakan pangkalan dan ruang udara Jerman sekiranya berlaku peperangan.

Arab Saudi:

DALAM temu ramah dengan BBC Ogos lalu, Menteri Luarnya, Putera Saud al-

Faisal, mengutuk rancangan AS untuk menyerang Iraq dan bertegas masa depan

Iraq mesti ditentukan oleh rakyat negara itu sendiri.

Syria:

PRESIDEN Bashar al-Assad membuat pendirian jelas, walaupun negaranya tidak sehaluan dengan Baghdad pada masa lalu, tapi ia menentang kepada sebarang kemungkinan Iraq diserang.

Pakistan:

BERSEKUTU dengan AS dalam serangan ke atas penganas di Afghanistan, bagaimanapun mereka ragu-ragu untuk turut berperang.

Russia:

WALAUPUN pentadbirannya menentang perang di Iraq, namun Menteri Pertahanannya, Sergei Ivanov, berkata tindakan multilateral terhadap Iraq

hanya sah jika PBB menyokong. Bagaimana kontrak perdagangan minyak yang dibatalkan Iraq, mengurangkan undi simpati dari Russia.

Perancis:

PRESIDEN Jacques Chirac terus mendesak supaya diadakan penyelesaian diplomatik.

China:

REPUBLIK ini mempunyai sejarah meragui sebarang pergerakan AS di timur tengah, tetapi kini berusaha membaiki hubungan dengan AS dan menunjukkan sokongan terhadap tindakan Majlis Keselamatan. Secara rasmi republik ini menyokong keputusan PBB menguruskan situasi di Iraq tapi agak ragu untuk menyokong perang yang bakal diketuai AS.